

MODUL PENINGKATAN PRESTASI SPM 2026 EKONOMI

KERTAS 1

3767/1

Julai

$1\frac{1}{4}$ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. *Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A,B,C dan D**.*
*Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat.*
Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang **tidak** boleh diprogramkan.*

Kertas soalan ini mengandungi **12** halaman bercetak termasuk muka hadapan.

- 1 Encik Azizi adalah pemilik Syarikat Jati Emas. Beliau terpaksa memilih antara dua produk A dan produk B. Mengapakah Encik Azizi terpaksa membuat pilihan?
 - A Tidak dapat memilih produk A dan produk B secara serentak
 - B Kekurangan sumber ekonomi untuk mengeluarkan kedua-duanya
 - C Mendapati kos lepasnya ialah produk kedua yang terpaksa dilepaskan
 - D Pengeluaran produk terbaik untuk memaksimumkan untung.

- 2 Antara yang berikut, yang manakah **betul** tentang usahawan?
 - I Berbeza tahap kecekapan berkaitan pembuatan produk
 - II Menyelaraskan pelbagai faktor bagi penghasilan output
 - III Bersedia hadapi ketidakpastian daripada perubahan pasaran
 - IV Menyumbang tenaga kerja dalam proses pengeluaran barangan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 3 Jadual 1 menunjukkan pengeluaran sebuah firma bagi dua jenis barang.

Produk	Kombinasi keluaran (unit)	
	A	B
Kopi	20	60
Teh	85	55

Jadual 1

Berapakah kos lepas jika kombinasi keluaran berubah daripada A ke B?


- A 20 unit kopi
 - B 40 unit kopi
 - C 30 unit teh
 - D 60 unit teh
-
- 4 Maklumat berikut berkaitan dengan masalah asas ekonomi.

Syarikat Bella membekalkan peralatan pejabat dengan menggunakan 20 orang pekerja tempatan bagi memenuhi permintaan pasaran.

Antara berikut, apakah masalah yang telah diselesaikan?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
 - II Bagaimana hendak dikeluarkan
 - III Untuk siapa hendak dikeluarkan
 - IV Berapa yang hendak dikeluarkan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 5 Apakah ciri sistem ekonomi perancangan pusat?
- A Pilihan pengguna pelbagai
 - B Harga ditentukan oleh kuasa pasaran
 - C Wujud persaingan bebas antara firma
 - D Menjaga kesejahteraan rakyat
- 6 Rajah 1 menunjukkan permintaan bagi suatu barang.




Rajah 1

Penentu yang manakah menyebabkan peralihan keluk tersebut?

- A Harga barang penggenap jatuh
 - B Pendapatan individu berkurang
 - C Kadar cukai pendapatan menurun
 - D Objektif firma meminimumkan kos
- 7 Pernyataan yang manakah **betul** tentang konsep penawaran?
- A Bentuk keluk penawaran firma mencerun ke atas dari kanan ke kiri
 - B Keluk penawaran individu lebih landai daripada keluk penawaran pasaran
 - C Hubungan antara harga dan kuantiti barang yang ditawarkan adalah positif
 - D Peningkatan harga barang itu menyebabkan berlaku pertambahan penawaran



8 Rajah 2 berkaitan dengan keluk penawaran.




Rajah 2

Antara berikut, yang manakah menyebabkan berlaku peralihan titik dari **a** ke **b**?

- I Bayaran upah pekerja meningkat
 - II Peningkatan cukai input kepada firma
 - III Teknologi pengeluaran firma semakin canggih
 - IV Objektif firma adalah bermatlamat memaksimumkan jualan
- A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

- 9 Pernyataan yang manakah **betul** tentang lebihan permintaan?
- A Berlaku selepas kerajaan melaksanakan dasar harga minimum
 - B Wujud apabila perbelanjaan melebihi pendapatan pengguna
 - C Harga cenderung naik daripada keseimbangan asal
 - D Keluk permintaan pasaran akan beralih ke kana

- 10 Rajah 3 menunjukkan keseimbangan dalam pasaran kasut sekolah.



Rajah 3

Pernyataan yang manakah **betul** tentang rajah tersebut?

- A Jangkaan harga menurun pada masa depan
 - B Berlaku penurunan harga kasut sekolah
 - C Kerajaan menurunkan cukai jualan
 - D Daya pengeluaran menurun
- 11 Jadual 2 di bawah menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang.

Bulan	Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
Mac	8	6
April	10	4


Jadual 2

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga naik dari RM 8 ke RM 10?

- A 0.40
 - B 0.75
 - C 1.33
 - D 2.50
- 12 Antara yang berikut, manakah penentu yang mempengaruhi keanjalan harga permintaan?
- I Bilangan barang pengganti
 - II Cita rasa pengguna
 - III Pendapatan masyarakat
 - IV Ketahanan barang keperluan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV



13 Rajah 4 merupakan keluk penawaran suatu barang.



Rajah 4

Pernyataan yang manakah berkaitan dengan rajah tersebut?

- A Bilangan firma dalam pasaran terhad
- B Nilai keanjalan penawaran adalah 2.0
- C Jenis keanjalan penawaran adalah tidak anjal
- D Kuantiti meningkat 1% disebabkan oleh kenaikan harga 2%

14 Maklumat berikut berkaitan dengan keanjalan harga permintaan.

Nilai pekali keanjalan permintaan telefon bimbit adalah lebih daripada satu manakala pekali keanjalan makanan kurang daripada satu.

Pernyataan manakah **betul** berkaitan tindakan pengeluar untuk meningkatkan hasil?

- A Menurunkan harga telefon bimbit dan harga makanan
- B Meningkatkan harga telefon bimbit dan menurunkan harga makanan
- C Menurunkan harga telefon bimbit dan menaikkan harga makanan
- D Meningkatkan harga telefon bimbit dan harga makanan

15 Situasi manakah yang menerangkan fungsi wang sebagai alat bayaran tertunda?

- A Mariam membeli sebuah kondominium dengan ansuran sebanyak RM1500 sebulan
- B Kamal mengunjungi lebih daripada dua kedai motosikal untuk membuat perbandingan harga sebelum membeli
- C Puan Julia membeli seutas rantai tangan pada harga RM5000 setelah mendapat diskaun sebanyak 10%
- D Salma membuat pelaburan sebanyak 10% daripada wang gajinya ke dalam Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

- 16 Bagaimanakah bank pusat menstabilkan nilai mata wang negara?
- A Menambah rizab antarabangsa yang dipegang oleh Bank Negara Malaysia
 - B Memastikan kadar inflasi dalam negara berada dalam keadaan terkawal.
 - C Membeli Dolar Amerika Syarikat apabila nilai Ringgit Malaysia rendah.
 - D Memperuntuk sandaran maksimum dalam bentuk emas dan rizab antarabangsa
- 17 Pernyataan manakah menunjukkan persamaan antara deposit tabungan dan deposit semasa di bank perdagangan?
- I Disediakan buku akaun simpanan.
 - II Pengeluaran wang pada bila-bila masa.
 - III Kemudahan menggunakan kad ATM.
 - IV Boleh memohon kemudahan overdraf.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 18 Situasi yang manakah berkaitan dengan bayaran pindahan?
- A Cik Rania menerima bayaran kerana menjadi duta bagi produk kecantikan.
 - B Encik Haikal menerima pendapatan daripada unit amanah saham yang dibeli lama dahulu.
 - C Aina mendapat bantuan sebanyak RM5000 bagi memperbaiki rumahnya yang rosak akibat banjir.
 - D Encik Kamal mendapat pendapatan sebanyak RM 2000 sebulan kerana menyewakan kedainya.
- 19 Gambar 1 menunjukkan pakej bayaran bagi pembelian barangan elektrik.



Gambar 1

Antara yang berikut, yang manakah merupakan kelemahan kaedah pembayaran tersebut.

- I Harga barang menjadi lebih mahal.
 - II Pengguna tidak dapat membeli barang lain.
 - III Tidak dapat menikmati barang kerana ansuran belum selesai.
 - IV Pembeli tidak dapat menggunakan barang tersebut untuk memulakan perniagaan.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20 Bagaimana belanjawan peribadi dapat mengelakkan berlakunya inflasi?

- A Menggalakkan isi rumah menabung
- B Membelanjakan wang secara berhemat
- C Mengawal perbelanjaan bagi barang keperluan
- D Mengelakkan perbelanjaan melebihi pendapatan

21 Pasangan manakah **betul** tentang pulangan bagi strategi simpanan?

	Jenis simpanan	Pulangan
A	Koperasi	Faedah dan dividen
B	Unit Amanah	Dividen dan bonus saham
C	Insurans nyawa	Faedah dan bonus saham
D	Lembaga Tabung Haji	Dividen

22 Pasangan yang manakah **betul** berkaitan input pengeluaran?

	Input Tetap	Input Berubah
A	Berubah secara langsung dengan perubahan output	Tidak berubah mengikut perubahan output
B	Wujud pada tingkat keluaran sifar	Tidak wujud pada tingkat keluaran sifar
C	Pembayaran ke atas input dikenali sebagai kos berubah	Bayaran ke atas input dikenali sebagai kos tetap
D	Contoh: jurutera	Contoh: insurans kebakaran

23 Jadual 3 menunjukkan kos pengeluaran sebuah firma.

Keluaran (unit)	Jumlah kos (RM)
0	120
4	320
10	800

Jadual 3

Jika kos berubah firma ialah RM 780, berapakah kos purata untuk unit output ke-12?

- A RM 65
- B RM 75
- C RM 80
- D RM 90

- 24 Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran sebuah firma.

Output	:	1, 000 unit
Harga jualan seunit	:	RM 15.00
Kos purata	:	RM 10.00

Berapakah keuntungan bagi firma tersebut?

- A RM5 000
 - B RM10 000
 - C RM15 000
 - D RM25 000
- 25 Antara yang berikut, manakah merupakan faktor peningkatan produktiviti sebuah organisasi?
- I Prosedur kerja yang fleksibel
 - II Pemasaran produk yang meluas
 - III Penghasilan output yang pelbagai
 - IV Pengambilan pekerja yang mahir
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 26 Antara berikut, yang manakah merujuk kepada faedah sosial?
- A Faedah peribadi tambah faedah luaran.
 - B Kos peribadi tolak faedah peribadi.
 - C Faedah luaran tolak faedah peribadi
 - D Kos peribadi tambah faedah luaran
- 27 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan dengan peranan kerajaan sebagai majikan?
- A Menyediakan faedah sampingan kepada penjawat awam
 - B Membekalkan barang awam untuk kepuasan rakyat
 - C Mengawal kestabilan harga barangan dalam pasaran
 - D Melaksanakan dasar harga minimum demi kebajikan pengguna
- 28 Berikut adalah satu ciri pasaran dalam ekonomi


Tiada kebebasan firma keluar masuk industri.

Apakah ciri lain pasaran tersebut?

- A Bilangan penggunanya yang ramai
- B Melibatkan banyak firma
- C Harga berdasarkan mekanisme pasaran
- D Keluaran tidak ada pengganti



29 Rajah 5 berkaitan dengan jenis inflasi.



Rajah 5

Situasi yang manakah boleh menyebabkan berlakunya **X**?

- A Pendapatan individu semakin meningkat
- B Kadar inflasi negara pengekspor meningkat
- C Penciptaan kredit bank perdagangan bertambah
- D Kos bagi bahan api dan bahan mentah bertambah

30 Antara berikut, yang manakah **betul** mengenai kesan inflasi?

- I Pendapatan benar masyarakat meningkat
 - II Golongan berpendapatan tetap akan menikmati keuntungan
 - III Isi rumah cenderung menggunakan wang untuk menabung
 - IV Perbelanjaan penggunaan bertambah untuk mengekalkan taraf hidup
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

31 Pernyataan yang manakah **betul** berkaitan pengangguran berstruktur?

- A Melibatkan jangka pendek
- B Berlaku dalam kalangan graduan
- C Wujud apabila keadaan ekonomi lembap
- D Buruh kekurangan mobiliti dari segi kemahiran

32 Pernyataan yang manakah menunjukkan ekonomi yang mampan?

- A Meningkatkan pendapatan negara
- B Mewujudkan perubahan inventori
- C Merapatkan jurang pendapatan
- D Meningkatkan eksport negara

- 33 Pernyataan manakah yang menerangkan kesan tindakan bank pusat menurunkan kadar rizab berkanun bank perdagangan?
- I Penawaran wang dalam pasaran bertambah
 - II Jumlah permintaan barang meningkat.
 - III Inflasi dapat diatasi
 - IV Keupayaan bank memberi pinjaman meningkat.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 34 Apakah kesan negatif blok ekonomi dan perjanjian perdagangan kepada negara?
- A Perkongsian sumber tenaga dan bahan mentah
 - B Pengaliran modal dan buruh secara meluas
 - C Persaingan menguasai pasaran terbuka
 - D Peningkatan kos sara hidup rakyat
- 35 Pernyataan yang manakah betul berkaitan tujuan dalam perdagangan antarabangsa?
- A Meningkatkan pendapatan negara
 - B Memperbaiki imbalan pembayaran
 - C Menggalakkan persaingan yang sihat
 - D Menambahkan penawaran import dalam negara
- 36 Situasi manakah yang akan menyebabkan imbalan perkhidmatan bertambah baik?
- A Persatuan Badminton Malaysia mengambil lebih ramai jurulatih dari luar negara
 - B Syarikat pelancongan tempatan menggunakan kapal terbang Qatar untuk lawatan ke Abu Dhabi
 - C Ramai pesakit dari Indonesia menggunakan pusat kesihatan di Pulau Pinang
 - D Syarikat pengeksport Malaysia mengambil insurans perkapalan dari Jepun



Soalan 37 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 37 I Ketidakseimbangan pasaran berlaku apabila kuantiti permintaan melebihi kuantiti penawaran dalam pasaran.
II Ketidakseimbangan ini menyebabkan harga barangan di pasaran cenderung naik.
- 38 I Input tetap berubah secara langsung dengan perubahan output.
II Input berubah tidak wujud pada tingkat keluaran sifar.
- 39 I Belanjawan lebihan berlaku apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil negara.
II Belanjawan lebihan digunakan bagi mengawal inflasi.
- 40 I Kaedah komunikasi baharu merupakan ciri globalisasi.
II Kemudahan infrastruktur yang baik menggalakkan proses globalisasi.